



Rujukan Tuan:  
Rujukan Kami: JKPP IS 127/8/1-Klt.51 - ( 36 )  
Tarikh : 5/02/2020

Pengurus,  
Miura Boiler Malaysia Sdn Bhd  
Vertical Business Suite,  
Avenue 3, Bangsar South,  
No.8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur

Tuan,  
**PERMOHONAN PENGEKUALIAN PERATURAN 5(e)(2c) PERATURAN-  
PERATURAN KILANG DAN JENTERA (ORANG-ORANG  
MENJAGA)(PINDAAN) 2014**

Adalah saya diarah merujuk kepada surat tuan yang bertarikh terima 1 Julai 2019 berkenaan dengan perkara yang tersebut di atas.

2. Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya sebagai Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera, Malaysia menurut Peraturan 18 Peraturan-peraturan (Orang Menjaga) Kilang dan Jentera 1970, Akta Kilang dan Jentera 1967, dengan ini saya **tiada halangan** dalam mengecualikan dandang **Once Through Boiler model EI-2000 (oil fired and gas fired) dan EH-1500 (oil fired and gas fired)** daripada 5(e)(2c) Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera (Orang-orang Menjaga)(Pindaan)2014 dengan syarat-syarat berikut:

- i. Bilangan maksima dandang stim adalah empat(4) unit dan dibawah kawalan seorang drebar Gred Dua atau Gred Satu bagi setiap shift;
- ii. Jumlah permukaan memanass keempat-empat dandang adalah kurang daripada 100m<sup>2</sup>;
- iii. Keempat-empat dandang terletak di dalam satu Rumah Dandang;

Rujukan Kami: JKPP IS 127/8/1-Klt.51 - ( 36 )

**PERMOHONAN PENGECUALIAN PERATURAN 5(e)(2c) PERATURAN-  
PERATURAN KILANG DAN JENTERA (ORANG-ORANG  
MENJAGA)(PINDAAN) 2014**

---

- iv. Drebar dimana dandang stim ini akan dipasang perlu diberi latihan pengendalian dandang stim jenis ini oleh pihak MIURA dan rekod latihan perlu disimpan oleh pihak MIURA dan pemilik.
3. Adalah menjadi tanggungjawab pihak tuan untuk memastikan bahawa jentera direkabentuk dan dibina dengan selamat serta diuji sewajarnya sebelum diserahkan kepada pemilik bagi menjamin keselamatan operasi dandang.
4. Perlu diingatkan bahawa pengecualian ini boleh ditarik balik pada bila-bila masa atas budibicara Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***Pekerja Amanah, Aspirasi Negara***

Saya yang menjalankan amanah,



**( Ir. HAJI OMAR BIN MAT PIAH )**

**KETUA PENGARAH**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**